BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Mei 2017

Inflasi terus menurun pada bulan Mei 2017

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.9% (April: 4.4%) didorong terutamanya oleh harga bahan api yang lebih rendah pada bulan itu (purata harga petrol RON95 adalah lebih rendah pada RM2.09 seliter pada bulan Mei berbanding dengan RM2.21 seliter pada bulan April).
- Purata harga bahan api dalam negeri turut menurun pada bulan Jun susulan aliran menurun harga minyak dunia pada bulan Jun.

Aliran masuk dana yang berterusan ke dalam pasaran kewangan domestik menyebabkan ringgit menambah nilai

Aliran Portfolio Bukan Pemastautin Mengikut Instrumen



Nota: Bon kerajaan termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK)
Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

Prestasi Mata Wang Terpilih Berbanding dengan Dolar AS



*Keseluruhan tahun sehingga 31 Mei 2017
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Aliran masuk dana bukan pemastautin ke dalam pasaran bon Kerajaan berjumlah RM9.0 bilion pada bulan Mei, iaitu peningkatan untuk dua bulan berturut-turut. Aliran masuk ini mencerminkan perkembangan yang positif berikutan langkah-langkah untuk membangunkan pasaran kewangan domestik. Hasilnya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing berkurang 4, 13 dan 17 mata asas.
- Pasaran ekuiti juga terus menerima aliran masuk dana bukan pemastautin pada bulan Mei berjumlah RM2.0 bilion. Sentimen disokong oleh pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh daripada jangkaan pada suku pertama tahun 2017 dan prospek ringgit yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, jualan menjelang hujung bulan menyebabkan FBM KLCI mencatat penurunan kecil sebanyak 0.1%.
- Aliran masuk dana bukan pemastautin yang berterusan ke dalam pasaran kewangan Malaysia berjumlah RM12.1 bilion telah mendorong ringgit mengekalkan prestasi terbaik dalam rantau pada bulan Mei. Ringgit menambah nilai sebanyak 1.7% berbanding dengan dolar AS.

.

Rizab antarabangsa meningkat

Rizab Antarabangsa Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Rizab antarabangsa meningkat dengan stabil pada tahun 2017.
- Pada 15 Jun 2017, jumlah rizab antarabangsa memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi daripada nilai ambang antarabangsa 3 bulan, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.
- Perlu diambil perhatian bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Mudah tunai dalam sistem perbankan mencukupi

Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal menyokong aktiviti pembiayaan bank-bank. Agregat lebihan mudah tunai[1] yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia berjumlah RM179.2 bilion.
- Semua bank turut mengekalkan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai melebihi keperluan[2] pengawalseliaan untuk menampung aliran keluar tunai yang tidak dijangka atau kejutan mudah tunai yang teruk.

[1] Mudah tunai Ringgit Terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia termasuk peminjaman pasaran wang, repo, pemegangan sekuriti hutang BNM dan keperluan rizab berkanun.

[2] Keperluan LCR minimum mulai 1 Januari 2017 ialah 80% susulan pelaksanaan secara berperingkat.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 06/17/07 **For immediate release**

SOROTAN BULANAN MEI 2017

Inflasi terus menurun pada bulan Mei 2017

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.9% (April: 4.4%) didorong terutamanya oleh harga bahan api yang lebih rendah pada bulan itu (purata harga petrol RON95 adalah lebih rendah pada RM2.09 seliter pada bulan Mei berbanding dengan RM2.21 seliter pada bulan April).
- Purata harga bahan api dalam negeri turut menurun pada bulan Jun susulan aliran menurun harga minyak dunia pada bulan Jun.

Aliran masuk dana yang berterusan ke dalam pasaran kewangan domestik menyebabkan ringgit menambah nilai

- Aliran masuk dana bukan pemastautin ke dalam pasaran bon Kerajaan berjumlah RM9.0 bilion pada bulan Mei, iaitu peningkatan untuk dua bulan berturut-turut. Aliran masuk ini mencerminkan perkembangan yang positif berikutan langkah-langkah untuk membangunkan pasaran kewangan domestik. Hasilnya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing berkurang 4, 13 dan 17 mata asas.
- Pasaran ekuiti juga terus menerima aliran masuk dana bukan pemastautin pada bulan Mei berjumlah RM2.0 bilion. Sentimen disokong oleh pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh daripada jangkaan pada suku pertama tahun 2017 dan prospek ringgit yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, jualan menjelang hujung bulan menyebabkan FBM KLCI mencatat penurunan kecil sebanyak 0.1%.
- Aliran masuk dana bukan pemastautin yang berterusan ke dalam pasaran kewangan Malaysia berjumlah RM12.1 bilion telah mendorong ringgit mengekalkan prestasi terbaik dalam rantau pada bulan Mei. Ringgit menambah nilai sebanyak 1.7% berbanding dengan dolar AS.

Rizab antarabangsa meningkat

- Rizab antarabangsa meningkat dengan stabil pada tahun 2017.
- Pada 15 Jun 2017, jumlah rizab antarabangsa memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi daripada nilai ambang antarabangsa 3 bulan, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.
- Perlu diambil perhatian bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Mudah tunai dalam sistem perbankan mencukupi

- Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal menyokong aktiviti pembiayaan bank-bank. Agregat lebihan mudah tunai[1] yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia berjumlah RM179.2 bilion.
- Semua bank turut mengekalkan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai melebihi keperluan[2] pengawalseliaan untuk menampung aliran keluar tunai yang tidak dijangka atau kejutan mudah tunai yang teruk.

Bank Negara Malaysia
30 Jun 2017

[1] Mudah tunai Ringgit Terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia termasuk peminjaman pasaran wang, repo, pemegangan sekuriti hutang BNM dan keperluan rizab berkanun.
[2] Keperluan LCR minimum mulai 1 Januari 2017 ialah 80% susulan pelaksanaan secara berperingkat.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my